



JABATAN PERDANA MENTERI

Aras -1, Setia Perdana 8,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8888 3106
Laman web : www.jpm.gov.my

JPM-PR-2023-07 (14)

SIARAN MEDIA

MAJLIS APRESIASI

JABATAN PERDANA MENTERI 2023

15 Jun 2023, PUTRAJAYA - YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) hari ini menyampaikan sijil dan anugerah kepada 29 orang Pesara bagi Tahun 2023, 206 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022 serta 233 orang penerima bagi Anugerah Inovasi dan Kecemerlangan Tahun 2022 yang terdiri daripada 33 Jabatan/Agensi/Bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri sempena Majlis Apresiasi Jabatan Perdana Menteri.

Majlis Apresiasi Jabatan Perdana Menteri diadakan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga JPM yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang serta komitmen yang jitu kepada jabatan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Pengiktirafan ini dinilai melalui prestasi serta kualiti kerja berdasarkan skop bidang jawatan masing-masing.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN dalam ucapannya menyeru agar mentaliti 'silo' perlu dibuang jauh tetapi setiap warga kerja perlu bekerja dalam satu pasukan bagi memastikan setiap dasar dapat dilaksanakan sebaiknya seperti yang telah direncanakan. Melalui platform kerjasama dan perkongsian antara rakan strategik juga mampu merangsang semangat kreatif dan inovasi dalam kalangan penjawat awam di Negara ini. Ianya adalah selari dengan agenda yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri agar Penerapan Aspirasi Malaysia MADANI dalam perkhidmatan awam. Konsep Malaysia MADANI iaitu 6 rukun atau nilai iaitu **keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan** amat penting untuk

difahami oleh semua penjawat awam. Ia tidak boleh dilihat sebagai satu fahaman politik atau slogan semata-mata tetapi perlu diterjemahkan kepada usaha murni yang berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar warga Jabatan Perdana Menteri menjadi lapisan pertama dalam merealisasikan agenda Malaysia MADANI serta menjadi agensi yang terkehadapan dalam memperbanyakkan inisiatif-inisiatif serta dasar-dasar bagi mendokong konsep Malaysia MADANI demi memastikan visi **"Membina Malaysia yang Madani, Maju dan Sejahtera menjelang 2030"** dapat direalisasikan. Warga JPM perlu terus membudayakan budaya kerja yang unggul serta cemerlang agar ianya menjadi asas kepada peningkatan produktiviti sesebuah organisasi.

Majlis ini juga turut meraikan pesara JPM seramai 29 orang yang telah dan akan bersara pada tahun 2023 yang telah menyumbang khidmat bakti kepada Negara sepanjang perkhidmatan mereka dalam perkhidmatan awam.

Majlis yang berlangsung di Dewan MAKSAT Putra, Putrajaya turut dihadiri oleh Dato' Dr. Zulkapli Bin Mohamed, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.

###

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perdana Menteri
15 Jun 2023

Untuk maklumat /anjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri di talian 03- 8872 3437 / 03-88723434